

26/01/2001

Pemimpin Umno tidak pernah lupa rakyat

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Johari Ibrahim

POKOK SENA, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pemimpin Umno tidak pernah melupakan rakyat, terutama masyarakat luar bandar dan mereka yang miskin.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, pemimpin Umno yang memegang jawatan dalam kerajaan banyak membantu dan memajukan rakyat menerusi pelbagai agensi pembangunan.

Beliau berkata, beratus juta ringgit dibelanjakan untuk membantu orang miskin, termasuk membolehkan anak orang Melayu mendapat kemudahan pendidikan dan pelajaran.

"Tidak benar pemimpin Umno tidak mempedulikan penduduk di luar bandar. Pembangunan dilakukan untuk semua seperti Felda dan Felcra bagi majukan orang luar bandar. Golongan yang termiskin pun kita bantu," katanya di majlis perjumpaan dengan Umno Bahagian Padang Terap dan Pokok Sena di Sekolah Menengah Sains Pokok Sena, hari ini.

Lebih 2,000 pemimpin dan ahli Umno dari kedua-dua bahagian berkenaan menghadiri majlis itu. Turut sama Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, orang Melayu perlu terus memberi sokongan kepada pemimpin Umno supaya mereka lebih kuat bagi meneruskan usaha membantu rakyat.

Menurutnya, ia kerana pemimpin yang kuat perlu mendapat sokongan rakyat bagi mentadbir negara, khususnya memastikan kuasa asing tidak menjajah semula negara.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut meminta umat Islam mengekalkan perpaduan dan tidak berpecah belah.

Menurutnya, perjuangan Umno ialah untuk membentuk umat Islam yang maju dan berpendidikan tinggi menjelang tahun 2020.

Katanya, hanya dengan kemajuan dan pendidikan tinggi, umat Islam tidak perlu lagi bergantung kepada orang lain dan berupaya mempertahankan umat Islam lain.

"Inilah cara perjuangan kita (Umno), bukan dengan cara maki orang lain," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata perjuangan Umno masih diperlukan untuk terus memantapkan agama, bangsa dan negara.

Sementara itu, berucap di majlis sambutan DwiRaya Aidilfitri dan Tahun Baru Cina anjuran Barisan Nasional (BN) Kedah, malam ini, Dr Mahathir berkata, ahli Umno perlu terus memberikan sokongan padu kepada pemimpin mereka.

Menurutnya, ahli Umno perlu merapatkan semula barisan, bersatu dibawah Umno dan menyokong pemimpin Umno kerana Umno bukan ditubuhkan untuk pemimpin, sebaliknya untuk memastikan Malaysia mampu terus dimajukan.

"Pas menang bukan sebab dia kuat tetapi orang Umno marah tak tahu fasal apa. Inilah yang dikatakan marahkan nyamuk, kelambu dibakar," katanya.

Majlis di Dewan Majlis Perbandaran Kota Star (MPKS) itu dihadiri Syed Razak dan pemimpin parti komponen BN Kedah yang lain.

Dr Mahathir juga berkata, BN mampu terus membentuk kerajaan kerana kesepakatan 14 parti komponen BN adalah bertunjangkan aspek saling bertolak-ansur, bukan seperti pakatan parti pembangkang yang sanggup berbuat apa saja, termasuk aspek yang tidak benar, semata-mata untuk mendapatkan undi.

"Pas, DAP, Keadilan dan lain-lain tidak menang kerana mereka berjuang

untuk kaum masing-masing saja. Pas berjuang untuk negara Islam, DAP untuk kaum Cina saja. Tidak ada keikhlasan langsung.

"BN berjaya sebab kita memahami Malaysia mempunyai rakyat pelbagai kaum. Orang Melayu dan Bumiputera yang lain sanggup terima kaum lain yang sudah tinggal di sini sekian lama.

"Perbezaan antara kita cukup ketara tambahan pula British mengasingkan kaum lain. British anggap apabila merdeka kita akan halau kaum Cina dan India tetapi itu tidak tepat.

"Apabila merdeka, negara kita aman. Kerjasama antara kaumlah yang membolehkan Malaysia jadi aman, tidak ada rusuhan kecuali 13 Mei 1969 tetapi itu sekejap saja. Selepas itu, semua kaum berusaha untuk kemajuan Malaysia," katanya.

(END)